

KEUSAHAWANAN SEBAGAI KERJAYA : HUBUNGAN FAKTOR - FAKTOR
PENDORONG TERHADAP MINAT DAN KECENDERUNGAN PELAJAR
JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK SE MALAYSIA



WAN NOOR ELYANA BT WAN MOHAMED

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO
3 0000 00079334 3



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: KEUSAHAWANAN SEBAGAI KERJAYA : HUBUNGAN FAKTOR-FAKTOR PENDORONG TERHADAP MINAT DAN KECENDERUNGAN PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK SE MALAYSIA

SESI PENGAJIAN :2001 / 2002

Saya WAN NOOR ELYANA BT WAN MOHAMED

mengaku membenarkan tesis (~~PSM/Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (√)

- SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
- TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap;
Lot 2601, Lorong Pusara,
Alor Lintang, 22200 Besut,
Terengganu.

ENCIK ATAN HJ HUSIEN

Tarikh: 26 SEPTEMBER 2002

Tarikh: 26.09.02

- CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/oragnisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.”



Tandatangan

Nama Penyelia

Tarikh

:

: EN. ATAN HAJ HUSSIEN

: 26.09.02

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KEUSAHAWANAN SEBAGAI KERJAYA : HUBUNGAN FAKTOR-FAKTOR
PENDORONG TERHADAP MINAT DAN KECENDERUNGAN PELAJAR
JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK SE MALAYSIA

WAN NOOR ELYANA BT WAN MOHAMED

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein

SEPTEMBER, 2002

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”



Tandatangan :

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Elyana', is written over a dotted line.

Nama Penulis :

WAN NOOR ELYANA WAN MOHAMED

Tarikh :

26 SEPTEMBER 2002

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN KU TUN AMINAH

Khas buat ibu, ayah dan tunang tersayang



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia tesis, Encik Atan Bin Hj. Hussien atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang tempoh penyempurnaan *Projek Sarjana ini*.

Penghargaan tidak terhingga juga kepada Puan Nik Faridah bt Ismail, pensyarah Jabatan Perdagangan, Politeknik Kota Bharu di atas kesudian beliau meluangkan masa untuk ditemuramah.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan *Projek Sarjana ini*.



PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti bagaimana pendidikan keusahawanan mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya. Hubungan ciri-ciri pra-keusahawanan, persekitaran dan latar belakang keluarga terhadap minat dan kecenderungan untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya juga turut diambilkira. Responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik se Malaysia. Seramai 113 orang responden terlibat dalam kajian ini. Bagi tujuan mengumpul data, soal selidik berdasarkan skala Likert telah digunakan. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 10.0. Dapatan kajian dianalisis melalui ujian t, sisihan piawai dan korelasi pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa akademik iaitu pendidikan keusahawanan kurang mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya berbanding ciri pra-keusahawanan dan persekitaran. Walau bagaimanapun, latar belakang keluarga memberikan pengaruh yang paling lemah.



ABSTRACT

The research was conducted to determine how the entrepreneurship education affects the student's tendency to make an entrepreneurship as a career. The relationship between pre-entrepreneurship characteristics, environment and family background have been taken to count. Respondent are from student of Jabatan Perdagangan Politeknik se Malaysia. There are 113 respondents involved in this particular research. The questionnaire was constructed using the Likert scale measurement has been used to collect data. The data then analyzed with SPSS (version 10.0) software for mean test, standard deviation and pearson correlation. The obtained results show that the entrepreneurship education gives less influence on student tendency to make an entrepreneurship as a career than pre-entrepreneurship characteristics and environment. However, the family background gives a very weak influence in this particular matter.



KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PERAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAHAGIAN SATU

Pengenalan

BAB 1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Soalan Kajian	7
1.5	Hipotesis Nol	8

1.6	Objektif Kajian	9
1.7	Kerangka Teori	9
1.8	Kepentingan Kajian	12
	1.8.1 Pensyarah	12
	1.8.2 Pelajar	12
	1.8.3 Pihak Politeknik	13
1.9	Skop Kajian	13
1.10	Definisi Istilah	14
	1.10.1 Keusahawanan	14
	1.10.2 Kursus Keusahawanan	14
	1.10.3 Kerjaya	14
	1.10.4 Pelajar	15

BAHAGIAN DUA SOROTAN KAJIAN

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	16
2.2	Usahawan	16
2.3	Pendidikan Keusahawanan	18
2.4	Keusahawanan Sebagai Kerjaya	22
2.5	Ciri-ciri Usahawan	25
2.6	Etika Usahawan	28
2.7	Cabaran Dunia Keusahawanan	29
2.8	Kemahiran Pengurusan	32
2.9	Individu Pelajar Yang Berbeza	36



BAHAGIAN TIGA METODOLOGI KAJIAN

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	38
3.2	Reka bentuk Kajian	38
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	40
3.3.1	Populasi	40
3.3.2	Sampel Kajian	40
3.4	Sumber Data	41
3.5	Instrumentasi Kajian	42
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	45
3.7	Kerangka Operasi	47
3.8	Prosedur Kajian	47
3.9	Kaedah Pengumpulan Data	49
3.10	Kaedah Analisis Data	50
3.11	Batasan Kajian	52
3.12	Andaian	53

BAHAGIAN EMPAT ANALISIS DATA

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	54
4.2	Pengedaran dan Pengumpulan Borang Soal Selidik	54
4.3	Analisis Borang Soal Selidik	55
4.3.1	Analisis Biodata Responden	55
4.3.2	Analisis Persepsi Responden	59

**BAHAGIAN LIMA
KESIMPULAN DAN CADANGAN**

BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	64
5.2	Kesimpulan	65
5.3	Perbincangan	69
5.4	Cadangan	74
5.5	Penutup	76

**BAHAGIAN ENAM
BIBLIOGRAFI**

BIBLIOGRAFI

Bibliografi	77
-------------	----

**BAHAGIAN TUJUH
LAMPIRAN**

LAMPIRAN

Lampiran A	81
Lampiran B	82
Lampiran C	83



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Skala Likert	44
3.2	Pekali Kebolehpercayaan	46
3.3	Jadual Penentuan Tahap	51
3.4	Nilai Korelasi Pearson 'r'	52
4.1	Taburan Responden Berdasarkan Umur	56
4.2	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	57
4.3	Taburan responden Berdasarkan Bangsa	58
4.4	Minat dan Kecenderungan	59
4.5	Ciri-ciri Pra-keusahawanan	59
4.6	Korelasi Pearson 'r' Minat dan Kecenderungan dan Ciri-ciri Pra-Keusahawanan	60
4.7	Akademik	60
4.8	Korelasi Pearson 'r' Minat dan Kecenderungan dan Akademik	61
4.9	Persekitaran	61
4.10	Korelasi Pearson 'r' Minat dan Kecenderungan dan Persekitaran	62
4.11	Latar Belakang Keluarga	62
4.12	Korelasi Pearson 'r' Minat dan Kecenderungan dan Latar Belakang Keluarga	63

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Borang Soal Selidik	81
B	Borang Temubual	82
C	Laporan Kajian Rintis	83



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



BAHAGIAN SATU
PENGENALAN

PTTA UTHM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bidang keusahawanan adalah merupakan suatu bidang yang tidak kurang popularnya di Malaysia. Ramai yang berminat untuk menceburi bidang ini kerana ia dikatakan mampu membawakan kejayaan dan kekayaan kepada individu yang menceburinya.

Menurut Linaman Larry (1984) dalam Ab Aziz Yusof (1998), masyarakat yang terbaik adalah masyarakat yang mempunyai paling ramai usahawan. Ini adalah kerana usahawan merangka cara-cara untuk menyatukan tenaga manusia dengan modal dan tanah bagi menghasilkan kerja dengan secepat-cekapnya, melihat dan mengenalpasti peluang-peluang dan kegiatan yang sesuai dengan keadaan tenaga kerja, alat kemudahan serta kawasan di sekitarnya bagi menghasilkan pendapatan atau keuntungan yang halal dan lumayan serta meneliti teknik dan kaedah yang baik bagi mentadbir dan menguruskan usaha-usaha yang telah diwujudkan supaya berjalan lancar dan berkembang dari masa ke semasa, seperti yang telah dinyatakan oleh Yep Puteh (1985).



PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Secara kesimpulannya, kehadiran seseorang usahawan sememangnya memberikan banyak kebaikan kepada masyarakat. Peranan usahawan yang paling penting adalah dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru. Selain itu, usahawan membolehkan sumber-sumber yang ada di tempatnya digunakan dan tidak dibazirkan.

Usaha mewujudkan kumpulan wirawasta (orang-orang yang bijak dan berkebolehan dalam perniagaan) telah diberi tumpuan sepenuhnya oleh kerajaan menerusi agensi-agensinya seperti MARA, SEDC dan PNB. Pada masa yang sama, Pasukan Tindakan dan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri membuat pemantauan yang berterusan (Ismail Noor dan Muhammad Azaham, 2000).

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, Abdul Rahman Husin (2000), pembangunan dan hala tuju usahawan terus diberi penekanan di dalam Rancangan Malaysia ke-8 dengan peningkatan dan pemantapan program keusahawanan sedia ada serta pendekatan baru dan pengenalan dasar, strategi dan program baru yang bertujuan untuk mempercepat pencapaian matlamat Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Hala tuju pembangunan keusahawanan ditetapkan bagi memastikan usahawan yang dibangunkan berdaya maju, berdaya tahan dan mampu bersaing dengan berkesan dalam era globalisasi dan liberalisasi (Sitti Nor Azizah Talata dan Shamsul Kamal Amarudin, 2001).

Program MPPB adalah tertumpu kepada usaha-usaha untuk membangunkan lebih ramai usahawan Bumiputera yang berdaya tahan, berdikari dan bertaraf dunia. Usahawan bertaraf dunia dalam konteks ini adalah perlu mempunyai daya saing yang tinggi, berpengetahuan, inovatif dan berpandangan jauh. Mereka juga mesti melaksanakan amalan niaga yang baik dan bijak menjana pulangan dalam jangka panjang. Usaha ini akan dapat dicapai melalui pemupukan mutu keusahawanan yang baik tanpa mengira saiz perniagaan.

Zulkifli Senteri (1998) dalam Widad Othman dan Faridah Mariani Johari (1998), pula menyatakan kerajaan telah berjaya meningkatkan jumlah MPPB kepada

lebih kurang 18 peratus dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB). Namun begitu, peratusan ini tidaklah seperti yang diharapkan kerana salah satu sebab DEB tidak mencapai matlamat MPPB iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah usahawan ialah kurangnya pendedahan awal tentang budaya keusahawanan di kalangan Bumiputera

DEB banyak menggalakkan orang Melayu untuk menyertai bidang keusahawanan. Malangnya, krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 dan 1998 telah menyebabkan ramai dari kalangan mereka tersungkur. Walaupun banyak badan telah ditubuhkan untuk membantu usahawan, tetapi tumpuan hanya diberikan kepada kemudahan kewangan dan tidak banyak diberikan kepada pembangunan usahawan. Kalau adapun usaha dalam pembangunan usahawan, kebanyakannya datang daripada mereka yang tidak pernah menjadi usahawan dan tidak tahu perit maung usahawan.

Menurut Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Datuk Mohd Salleh Abdul Majid (2000), bidang keusahawananlah yang bakal meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian sepenuhnya menjelang tahun 2020. Ramai usahawan Melayu adalah diperlukan untuk merealisasikan cita-cita ini. Usahawanlah yang mampu memberikan kesan gandaan dalam sesuatu industri.

Dunia keusahawanan adalah merupakan dunia yang amat memerlukan komitmen. Jika kerjaya itu dilakukan secara serius, banyak hikmah yang dapat melonjakkan seseorang usahawan sehingga mampu membina karisme yang dikagumi.

1.2 Latar Belakang Masalah

Menurut Yep Putih (1985), golongan muda hari ini keberatan untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Mereka masih beranggapan bahawa bidang

1.10 Definisi Istilah

1.10.1 Keusahawanan

Sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu dan cekap untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan (Barjoyai Bardai, 2000).

1.10.2 Kursus Keusahawanan

Penggunaan kata 'kursus keusahawanan' bagi tujuan kajian ini adalah merangkumi maksud yang meluas. Ia melibatkan aspek pemasaran, keusahawanan, pengurusan kewangan dan pengurusan perniagaan.

1.10.3 Kerjaya

Kamus Dewan (2000) telah menyatakan kerjaya sebagai perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan. Ia juga merupakan profesyen atau pekerjaan yang dipilih sebagai mencari nafkah.

1.10.4 Pelajar

Definisi yang diberikan oleh Kamus Dewan (2000) kepada pelajar ialah orang yang belajar (seperti murid di sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya), orang yang mengaji (menyelidiki ilmu). Walau bagaimanapun, pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah penuntut yang sedang meneruskan pengajian mereka di politeknik-politeknik di Malaysia. Semasa menjalani pengajian di bidang ini, mereka diberi pendedahan dengan pelbagai teknik di bidang-bidang tertentu.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAHAGIAN DUA
SOROTAN KAJIAN



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Sorotan kajian adalah penting dalam setiap penyelidikan. Ia dijadikan sebagai garis panduan dan pengetahuan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian.

2.2 Usahawan

Menurut Tengku Khairi A. Rahman (2001), usahawan adalah individu yang bertanggungjawab menyusun, mengurus dan mengambil risiko terhadap sesuatu perniagaan yang dilaksanakan.

Peter Drucker (1964) dalam Barjoiyi Bardai (2000), menerangkan bahawa usahawan adalah orang yang bertanggungjawab untuk memaksimumkan peluang-peluang yang ada.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJ AMINAH

Wan Liz Ozman dan Sulzari (2002) ada menyenaraikan beberapa definisi usahawan dengan merujuk kepada beberapa pakar. Berikut adalah definisi-definisi tersebut;

- i. Seseorang yang inovatif (Schumpeter).
- ii. Seseorang yang membahagikan dan mengurus faktor-faktor pengeluaran dan menanggung risiko (Marshall, 1920).
- iii. Seseorang yang mempunyai keupayaan untuk melihat peluang-peluang ekonomi dan mereka langkah-langkah untuk mengeksploitasikannya (Cole, 1959).
- iv. Individu yang mencetuskan idea-idea perniagaan, membentuk organisasi syarikat, menambah modal, menggaji pekerja, menjalinkan hubungan dengan pembekal, pelanggan dan pemerintah serta menukar konsep menjadi sebuah organisasi yang berfungsi (Hugen, 1968).
- v. Pembekal sumber-sumber, penyelia dan penyelaras dan pembuat keputusan yang muktamad (Cortes, 1972, dipetik dalam Technonet Asia, 1984).

Kuratko dan Hodgetts (1989) dalam Wan Madznah Wan Ibrahim, Jumaat Abd. Moen dan Hawati Janor (2001) mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang sanggup memikul tanggungjawab, mengelola, mengurus dan mengandaikan risiko-risiko tentang suatu perniagaan.

Daripada definisi-definisi ini, konsep usahawan dan peniaga dapat dibezakan. Peniaga dikatakan hanya melakukan aktiviti perdagangan atau perniagaan, manakala usahawan merupakan orang yang peka kepada kewujudan peluang dalam persekitarannya yang mungkin tidak disedari oleh orang lain. Oleh sebab itu, usahawan mungkin seorang peniaga tetapi peniaga tidak semestinya seorang usahawan.

2.3 Pendidikan Keusahawanan

Menurut Nordin Abdul Malek (2001), dalam era ekonomi pengetahuan (K-ekonomi), asas utama ekonomi adalah kekuatan pengetahuan yang berasaskan maklumat dan ilmu. Ini bermakna faktor modal bukanlah alasan utama penguasaan ekonomi sesebuah negara, organisasi, mahupun individu.

Menurutnya lagi, contoh yang paling dekat adalah Singapura. Sumber semula jadi dan bahan mentahnya jauh lebih sedikit berbanding negara lain (termasuk Malaysia) di rantau ini. Tetapi, kekuatan negara berkenaan sebagai pusat perdagangan yang berpengaruh dan disegani di peringkat antarabangsa adalah disebabkan kebijaksanaan mereka menjadikan negaranya sebagai sebuah pengkalan dagangan dan pasaran kewangan.

Kuratko () dalam Zaidatol Akmaliah (1993) ada menyatakan bahawa keusahawanan boleh dipelajari dan usahawan boleh dibentuk bukan dilahirkan. Pendapat ini juga disokong oleh Drucker (1964) dalam Barjoyai Bardai (2000) yang menyatakan bahawa disiplin keusahawanan boleh dipelajari kerana ia tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor genetik.

Cooper () dalam Zaidatol Akmaliah (1993) pula menyatakan bahawa pendidikan formal membantu menyediakan seorang usahawan ke arah kejayaan. Kejayaan selalunya mengiringi usahawan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, mempunyai pengalaman yang relevan dan sentiasa mendapatkan nasihat daripada individu yang mempunyai pengalaman. Begitu juga dengan dapatan Hoad () (Zaidatol Akmaliah, 1993) yang menyatakan bahawa kombinasi pengalaman dan ilmu pengetahuan adalah berkait rapat dengan kejayaan.

Menurut Aini Hayati Mohamed, Hasni Che Ismail dan Norsiah Mat (2001), usaha perlulah ditumpukan ke arah memupuk semangat keusahawanan dalam diri kanak-kanak di peringkat umur yang masih muda lagi iaitu melalui sistem pendidikan di sekolah dan usaha sama ibu bapa.

Mat Hassan Esa (1992) ada menyatakan bahawa pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal boleh membantu kejayaan seseorang usahawan. Pengaruh dan amalan perlakuan sesuatu keluarga atau masyarakat banyak membantu pembentukan sikap seseorang. Penanaman benih-benih keusahawann dan penghayatannya perlulah disemai dari peringkat kanak-kanak lagi. Pendidikan secara formal cuma untuk mengukuh dan mempertajamkan nilai-nilai yang sedia ada. Kandungan mata pelajaran di sekolah dan di pusat pengajian tinggi perlu bersepadu yang merangkumi kemahiran, teknikal, pengurusan, komunikasi dan akhlak di samping menerapkan nilai-nilai budaya keusahawanan.

Di Malaysia, terdapat badan yang berusaha melahirkan usahawan yang berilmu. Badan ini adalah Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC). Ia dikelolakan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM). Menurut Prof Madya Dr Haji Razmi Chik, ketua MEDEC di dalam Salaudin Ahmad (2001), MEDEC diwujudkan dengan objektif untuk merancang dan mengendalikan rancangan pendidikan, latihan serta penyelidikan keusahawanan. Menurutnya lagi, usahawan boleh dibentuk dan dibangunkan sekiranya mereka dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, diterap ketrampilan, dimantapkan nilai dan sikap serta khidmat sokongan.

Walau bagaimanapun, Moha Asri (1999) menyatakan walaupun terdapat pelbagai program latihan kemahiran pekerja yang ditawarkan oleh pelbagai agensi kerajaan, sebahagian besar daripada mereka tidak peka kepada kemudahan ini, sementara sebahagian lagi langsung tidak mempedulikan program latihan.

Salaudin Ahmad (2001) ada menyatakan bahawa selain masalah modal, usahawan Bumiputera juga kekurangan ilmu mengenai perniagaan dan ini menyebabkan sebahagian daripada mereka tidak kekal lama. Tambahnya, budaya keusahawanan berteraskan nilai murni perlu dipupuk dan diterapkan bermula di peringkat pelajar agar usahawan yang berdaya saing, berilmu dan berteknologi serta bertakwa dapat diwujudkan. Atas dasar inilah, MEDEC sedang berusaha untuk menjadikan subjek usahawan sebagai salah satu subjek pilihan yang dipelajari di peringkat ijazah dan sarjana.

Bagi mencapai tujuan ini, MEDEC menggunakan tiga pendekatan strategik bersepadu berdasarkan kelebihan perbandingan kemahiran. Antaranya pembangunan keusahawanan individu di peringkat memulakan perniagaan melalui Program Pembangunan Usahawan. Pendekatan kedua adalah pembangunan enterprais supaya perniagaan yang diusahakan berkembang ke peringkat yang lebih besar. Ketiganya, menerapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar melalui program pendidikan dan pengajian keusahawanan supaya dapat melahirkan usahawan yang berilmu dan berteknologi.

Antara program utama yang telah diperkenalkan oleh MEDEC adalah Program Latihan dan Pendidikan Keusahawanan. Ia bertujuan untuk membentuk dan membangunkan individu yang berpotensi untuk menjadi usahawan. Ia memberi peluang kepada usahawan dan bakal usahawan mengikuti program latihan secara formal bagi meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan perniagaan.

Selain itu, terdapat juga Program Susulan yang merupakan lanjutan kepada Program Latihan dan Pendidikan Keusahawanan. Tujuannya adalah untuk membimbing peserta MEDEC dalam kegiatan perniagaan. Manakala kursus Lanjutan Kemahiran Pengurusan pula mendedahkan peserta dengan sistem pengurusan perniagaan. Antara program lain yang telah dijalankan oleh MEDEC untuk menerapkan ilmu keusahawanan kepada usahawan adalah memberikan khidmat nasihat, mengadakan Program Galakan Keusahawanan, Program Usahawan Berjaya Utama (UBU), Program Pembangunan Eksport (PPE) dan Program Pembangunan Usahawan (EDP).

MEDEC juga turut mengadakan program untuk para graduan, iaitu Kursus Keusahawanan Siswazah. Setakat ini, terdapat dua program yang disediakan iaitu Kursus Keusahawanan Insentif (KKI) untuk pelajar UiTM yang baru menamatkan pengajian dan Skim Usahawan Siswazah (SUS) untuk pelajar yang telah lama menamatkan pengajian dan berminat untuk membuka perniagaan.

Kementerian Pembangunan Usahawan sendiri ada melaksanakan program Pra Skim Usahawan Siswazah (Pra-SUS) bagi memperluaskan pengetahuan dan pendedahan dalam bidang keusahawanan di kalangan pelajar institusi pengajian

tinggi (IPT). Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata melalui program berkenaan, pelajar akan diberikan latihan dalam bidang keusahawanan dan galakan untuk menyusun rancangan perniagaan masing-masing sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT (Berita Harian, 2000).

Menurutnya lagi, Pra-SUS adalah kesinambungan kepada Program Usahawan Muda (PUM) yang diperkenalkan pada peringkat sekolah menengah di seluruh negara. Program ini adalah mencakupi aspek pengurusan syarikat, pengurusan kewangan dan juga pendaftaran syarikat. Setelah menamatkan pengajian, pelajar berkenaan boleh mendapatkan bantuan kewangan daripada dana yang telah diperuntukkan dalam Skim Usahawan Siswazah (SUS) (Berita Harian, 2000).

Menurut Ahmad Kamil Mohamed (2001), menceburi bidang keusahawanan akan memberi peluang yang luas kepada seseorang untuk meneroka dunia perniagaan dan bebas memilih bidang kerja yang paling disukai. Peluang untuk berniaga adalah suatu keperluan asas untuk menceburi bidang perniagaan. Peluang mestilah selari dengan kemampuan diri untuk mengendalikan perniagaan secara berterusan dan berkekalan dengan sektor yang diceburi.

Sebelum seseorang itu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, ia perlu diberi pendedahan awal tentang budaya keusahawanan, mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai ciri positif dan etika seorang usahawan, mengenali ciri-ciri keusahawanan dan sebagainya.



2.4 Keusahawanan Sebagai Kerjaya

Menurut Tengku Khairi (2001), dalam konteks pemahaman yang mudah, keusahawanan merupakan satu konsep yang berkaitan dengan kegiatan yang dilakukan oleh para usahawan.

Sarjana Robert D. Hisrich dan Michael P. Peters (1989) dalam Tengku Khairi (2001) telah mendefinisikan keusahawanan sebagai "*entrepreneurship is the process of creating something different with value by devoting the necessary time and effort, assuming the accompanying financial, physic and social risks, and receiving the resulting rewards of monetary and personal satisfactions*".

Kebelakangan ini, ramai yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan atau dalam kata lain ingin menjadi usahawan. Tetapi, mereka tidak begitu berminat untuk menjadi peniaga. Menurut Tengku Khairi (2001), kebanyakan sarjana keusahawanan secara umumnya menggariskan beberapa faktor yang mendorong ramai individu untuk menceburi bidang keusahawanan.

Faktor pertama adalah keinginan untuk bertindak secara bebas. Motif ini timbul kerana mereka ingin menjadi 'tuan' sendiri dan menentukan arah tujuan serta keputusan kepada usahanya sendiri. Faktor kedua pula adalah untuk meningkatkan pencapaian diri kerana dengan menceburi bidang keusahawanan, ia akan membuka ruang kepada individu yang terlibat dalam meningkatkan pencapaian diri selaras dengan keupayaan yang dimiliki. Bidang keusahawanan memberi ruang kepada individu untuk menggunakan sepenuhnya kreativiti yang dimiliki. Keupayaan mencipta kreativiti dan inovasi mampu mempengaruhi kejayaan dalam sesuatu perniagaan.

Manakala faktor ketiga adalah kepuasan kerja. Ia merupakan bahagian yang terpenting berbanding dengan ganjaran lain yang diperolehi oleh usahawan. Adakalanya, pulangan kewangan yang diperolehi oleh seseorang usahawan itu tidak seberapa, tetapi kerja tersebut menjadi kebanggaan kerana dapat membuktikan

1.10 Definisi Istilah

1.10.1 Keusahawanan

Sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu dan cekap untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan (Barjoyai Bardai, 2000).

1.10.2 Kursus Keusahawanan

Penggunaan kata 'kursus keusahawanan' bagi tujuan kajian ini adalah merangkumi maksud yang meluas. Ia melibatkan aspek pemasaran, keusahawanan, pengurusan kewangan dan pengurusan perniagaan.

1.10.3 Kerjaya

Kamus Dewan (2000) telah menyatakan kerjaya sebagai perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan. Ia juga merupakan profesyen atau pekerjaan yang dipilih sebagai mencari nafkah.



1.10.4 Pelajar

Definisi yang diberikan oleh Kamus Dewan (2000) kepada pelajar ialah orang yang belajar (seperti murid di sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya), orang yang mengaji (menyelidiki ilmu). Walau bagaimanapun, pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah penuntut yang sedang meneruskan pengajian mereka di politeknik-politeknik di Malaysia. Semasa menjalani pengajian di bidang ini, mereka diberi pendedahan dengan pelbagai teknik di bidang-bidang tertentu.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



BAHAGIAN DUA
SOROTAN KAJIAN

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Sorotan kajian adalah penting dalam setiap penyelidikan. Ia dijadikan sebagai garis panduan dan pengetahuan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian.

2.2 Usahawan

Menurut Tengku Khairi A. Rahman (2001), usahawan adalah individu yang bertanggungjawab menyusun, mengurus dan mengambil risiko terhadap sesuatu perniagaan yang dilaksanakan.

Peter Drucker (1964) dalam Barjoyai Bardai (2000), menerangkan bahawa usahawan adalah orang yang bertanggungjawab untuk memaksimumkan peluang-peluang yang ada.

Wan Liz Ozman dan Sulzari (2002) ada menyenaraikan beberapa definisi usahawan dengan merujuk kepada beberapa pakar. Berikut adalah definisi-definisi tersebut;

- i. Seseorang yang inovatif (Schumpeter).
- ii. Seseorang yang membahagikan dan mengurus faktor-faktor pengeluaran dan menanggung risiko (Marshall, 1920).
- iii. Seseorang yang mempunyai keupayaan untuk melihat peluang-peluang ekonomi dan mereka langkah-langkah untuk mengeksploitasikannya (Cole, 1959).
- iv. Individu yang mencetuskan idea-idea perniagaan, membentuk organisasi syarikat, menambah modal, menggaji pekerja, menjalinkan hubungan dengan pembekal, pelanggan dan pemerintah serta menukar konsep menjadi sebuah organisasi yang berfungsi (Hugen, 1968).
- v. Pembekal sumber-sumber, penyelia dan penyelaras dan pembuat keputusan yang muktamad (Cortes, 1972, dipetik dalam Technonet Asia, 1984).

Kuratko dan Hodgetts (1989) dalam Wan Madznah Wan Ibrahim, Jumaat Abd. Moen dan Hawati Janor (2001) mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang sanggup memikul tanggungjawab, mengelola, mengurus dan mengandaikan risiko-risiko tentang suatu perniagaan.

Daripada definisi-definisi ini, konsep usahawan dan peniaga dapat dibezakan. Peniaga dikatakan hanya melakukan aktiviti perdagangan atau perniagaan, manakala usahawan merupakan orang yang peka kepada kewujudan peluang dalam persekitarannya yang mungkin tidak disedari oleh orang lain. Oleh sebab itu, usahawan mungkin seorang peniaga tetapi peniaga tidak semestinya seorang usahawan.



2.3 Pendidikan Keusahawanan

Menurut Nordin Abdul Malek (2001), dalam era ekonomi pengetahuan (K-ekonomi), asas utama ekonomi adalah kekuatan pengetahuan yang berasaskan maklumat dan ilmu. Ini bermakna faktor modal bukanlah alasan utama penguasaan ekonomi sesebuah negara, organisasi, mahupun individu.

Menurutnya lagi, contoh yang paling dekat adalah Singapura. Sumber semula jadi dan bahan mentahnya jauh lebih sedikit berbanding negara lain (termasuk Malaysia) di rantau ini. Tetapi, kekuatan negara berkenaan sebagai pusat perdagangan yang berpengaruh dan disegani di peringkat antarabangsa adalah disebabkan kebijaksanaan mereka menjadikan negaranya sebagai sebuah pengkalan dagangan dan pasaran kewangan.

Kuratko () dalam Zaidatol Akmaliah (1993) ada menyatakan bahawa keusahawanan boleh dipelajari dan usahawan boleh dibentuk bukan dilahirkan. Pendapat ini juga disokong oleh Drucker (1964) dalam Barjoyai Bardai (2000) yang menyatakan bahawa disiplin keusahawanan boleh dipelajari kerana ia tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor genetik.

Cooper () dalam Zaidatol Akmaliah (1993) pula menyatakan bahawa pendidikan formal membantu menyediakan seorang usahawan ke arah kejayaan. Kejayaan selalunya mengiringi usahawan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, mempunyai pengalaman yang relevan dan sentiasa mendapatkan nasihat daripada individu yang mempunyai pengalaman. Begitu juga dengan dapatan Hoad () (Zaidatol Akmaliah, 1993) yang menyatakan bahawa kombinasi pengalaman dan ilmu pengetahuan adalah berkait rapat dengan kejayaan.

Menurut Aini Hayati Mohamed, Hasni Che Ismail dan Norsiah Mat (2001), usaha perlulah ditumpukan ke arah memupuk semangat keusahawanan dalam diri kanak-kanak di peringkat umur yang masih muda lagi iaitu melalui sistem pendidikan di sekolah dan usaha sama ibu bapa.

Mat Hassan Esa (1992) ada menyatakan bahawa pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal boleh membantu kejayaan seseorang usahawan. Pengaruh dan amalan perlakuan sesuatu keluarga atau masyarakat banyak membantu pembentukan sikap seseorang. Penanaman benih-benih keusahawann dan penghayatannya perlulah disemai dari peringkat kanak-kanak lagi. Pendidikan secara formal cuma untuk mengukuh dan mempertajamkan nilai-nilai yang sedia ada. Kandungan mata pelajaran di sekolah dan di pusat pengajian tinggi perlu bersepadu yang merangkumi kemahiran, teknikal, pengurusan, komunikasi dan akhlak di samping menerapkan nilai-nilai budaya keusahawanan.

Di Malaysia, terdapat badan yang berusaha melahirkan usahawan yang berilmu. Badan ini adalah Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC). Ia dikelolakan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM). Menurut Prof Madya Dr Haji Razmi Chik, ketua MEDEC di dalam Salaudin Ahmad (2001), MEDEC diwujudkan dengan objektif untuk merancang dan mengendalikan rancangan pendidikan, latihan serta penyelidikan keusahawanan. Menurutnya lagi, usahawan boleh dibentuk dan dibangunkan sekiranya mereka dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, diterap ketrampilan, dimantapkan nilai dan sikap serta khidmat sokongan.

Walau bagaimanapun, Moha Asri (1999) menyatakan walaupun terdapat pelbagai program latihan kemahiran pekerja yang ditawarkan oleh pelbagai agensi kerajaan, sebahagian besar daripada mereka tidak peka kepada kemudahan ini, sementara sebahagian lagi langsung tidak mempedulikan program latihan.

Salaudin Ahmad (2001) ada menyatakan bahawa selain masalah modal, usahawan Bumiputera juga kekurangan ilmu mengenai perniagaan dan ini menyebabkan sebahagian daripada mereka tidak kekal lama. Tambahnya, budaya keusahawanan berteraskan nilai murni perlu dipupuk dan diterapkan bermula di peringkat pelajar agar usahawan yang berdaya saing, berilmu dan berteknologi serta bertakwa dapat diwujudkan. Atas dasar inilah, MEDEC sedang berusaha untuk menjadikan subjek usahawan sebagai salah satu subjek pilihan yang dipelajari di peringkat ijazah dan sarjana.



PERTAUKAN TUNKU TUN AMINAH

Bagi mencapai tujuan ini, MEDEC menggunakan tiga pendekatan strategik bersepadu berdasarkan kelebihan perbandingan kemahiran. Antaranya pembangunan keusahawanan individu di peringkat memulakan perniagaan melalui Program Pembangunan Usahawan. Pendekatan kedua adalah pembangunan enterprais supaya perniagaan yang diusahakan berkembang ke peringkat yang lebih besar. Ketiganya, menerapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar melalui program pendidikan dan pengajian keusahawanan supaya dapat melahirkan usahawan yang berilmu dan berteknologi.

Antara program utama yang telah diperkenalkan oleh MEDEC adalah Program Latihan dan Pendidikan Keusahawanan. Ia bertujuan untuk membentuk dan membangunkan individu yang berpotensi untuk menjadi usahawan. Ia memberi peluang kepada usahawan dan bakal usahawan mengikuti program latihan secara formal bagi meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan perniagaan.

Selain itu, terdapat juga Program Susulan yang merupakan lanjutan kepada Program Latihan dan Pendidikan Keusahawanan. Tujuannya adalah untuk membimbing peserta MEDEC dalam kegiatan perniagaan. Manakala kursus Lanjutan Kemahiran Pengurusan pula mendedahkan peserta dengan sistem pengurusan perniagaan. Antara program lain yang telah dijalankan oleh MEDEC untuk menerapkan ilmu keusahawanan kepada usahawan adalah memberikan khidmat nasihat, mengadakan Program Galakan Keusahawanan, Program Usahawan Berjaya Utama (UBU), Program Pembangunan Eksport (PPE) dan Program Pembangunan Usahawan (EDP).

MEDEC juga turut mengadakan program untuk para graduan, iaitu Kursus Keusahawanan Siswazah. Setakat ini, terdapat dua program yang disediakan iaitu Kursus Keusahawanan Insentif (KKI) untuk pelajar UiTM yang baru menamatkan pengajian dan Skim Usahawan Siswazah (SUS) untuk pelajar yang telah lama menamatkan pengajian dan berminat untuk membuka perniagaan.

Kementerian Pembangunan Usahawan sendiri ada melaksanakan program Pra Skim Usahawan Siswazah (Pra-SUS) bagi memperluaskan pengetahuan dan pendedahan dalam bidang keusahawanan di kalangan pelajar institusi pengajian

tinggi (IPT). Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata melalui program berkenaan, pelajar akan diberikan latihan dalam bidang keusahawanan dan galakan untuk menyusun rancangan perniagaan masing-masing sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT (Berita Harian, 2000).

Menurutnya lagi, Pra-SUS adalah kesinambungan kepada Program Usahawan Muda (PUM) yang diperkenalkan pada peringkat sekolah menengah di seluruh negara. Program ini adalah mencakupi aspek pengurusan syarikat, pengurusan kewangan dan juga pendaftaran syarikat. Setelah menamatkan pengajian, pelajar berkenaan boleh mendapatkan bantuan kewangan daripada dana yang telah diperuntukkan dalam Skim Usahawan Siswazah (SUS) (Berita Harian, 2000).

Menurut Ahmad Kamil Mohamed (2001), menceburi bidang keusahawanan akan memberi peluang yang luas kepada seseorang untuk meneroka dunia perniagaan dan bebas memilih bidang kerja yang paling disukai. Peluang untuk berniaga adalah suatu keperluan asas untuk menceburi bidang perniagaan. Peluang mestilah selari dengan kemampuan diri untuk mengendalikan perniagaan secara berterusan dan berkekalan dengan sektor yang diceburi.

Sebelum seseorang itu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, ia perlu diberi pendedahan awal tentang budaya keusahawanan, mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai ciri positif dan etika seorang usahawan, mengenali ciri-ciri keusahawanan dan sebagainya.



2.4 Keusahawanan Sebagai Kerjaya

Menurut Tengku Khairi (2001), dalam konteks pemahaman yang mudah, keusahawanan merupakan satu konsep yang berkaitan dengan kegiatan yang dilakukan oleh para usahawan.

Sarjana Robert D. Hisrich dan Michael P. Peters (1989) dalam Tengku Khairi (2001) telah mendefinisikan keusahawanan sebagai "*entrepreneurship is the process of creating something different with value by devoting the necessary time and effort, assuming the accompanying financial, physic and social risks, and receiving the resulting rewards of monetary and personal satisfactions*".

Kebelakangan ini, ramai yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan atau dalam kata lain ingin menjadi usahawan. Tetapi, mereka tidak begitu berminat untuk menjadi peniaga. Menurut Tengku Khairi (2001), kebanyakan sarjana keusahawanan secara umumnya menggariskan beberapa faktor yang mendorong ramai individu untuk menceburi bidang keusahawanan.

Faktor pertama adalah keinginan untuk bertindak secara bebas. Motif ini timbul kerana mereka ingin menjadi 'tuan' sendiri dan menentukan arah tujuan serta keputusan kepada usahanya sendiri. Faktor kedua pula adalah untuk meningkatkan pencapaian diri kerana dengan menceburi bidang keusahawanan, ia akan membuka ruang kepada individu yang terlibat dalam meningkatkan pencapaian diri selaras dengan keupayaan yang dimiliki. Bidang keusahawanan memberi ruang kepada individu untuk menggunakan sepenuhnya kreativiti yang dimiliki. Keupayaan mencipta kreativiti dan inovasi mampu mempengaruhi kejayaan dalam sesuatu perniagaan.

Manakala faktor ketiga adalah kepuasan kerja. Ia merupakan bahagian yang terpenting berbanding dengan ganjaran lain yang diperolehi oleh usahawan. Adakalanya, pulangan kewangan yang diperolehi oleh seseorang usahawan itu tidak seberapa, tetapi kerja tersebut menjadi kebanggaan kerana dapat membuktikan

kebolehan dalam menjayakan projek perniagaannya yang belum pernah diceburi sebelum ini.


Sementara itu, faktor keempat adalah kerana bidang keusahawanan mendorong kepada usaha kemajuan yang berterusan. Bidang ini dapat mengajar usahawan untuk memburu kejayaan. Oleh yang demikian, cabaran yang terpenting bagi usahawan adalah untuk memastikan bahawa kemajuan dan perkembangan perniagaan yang berterusan. Seseorang usahawan dikatakan sukar untuk meluahkan kata-kata “Cukuplah setakat ini sahaja” kerana dengan wujudnya perasaan demikian, usahawan itu mungkin akan melakukan kesilapan seperti tidak membaiki mutu layanan kepada pelanggan, mensia-siakan peluang yang wujud dan tidak menghiraukan perubahan serta pembaharuan yang dilakukan oleh pesaing.

Wan Liz Ozinan dan Sulzari (2002) ada menyatakan faktor-faktor keperluan yang memungkinkan seseorang itu memilih karier sebagai seorang usahawan seperti yang telah dinyatakan dalam Rajah 2.1;



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Rajah 2.1 : Keperluan-keperluan Utama Yang Merangsang Seseorang Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan



Ann Roe ada mengasaskan teori pemilihan kerjaya yang memfokuskan kepada hubungan pembangunan personaliti dengan pemilihan kerjaya. Teori ini menyatakan bahawa pemilihan kerjaya seseorang individu adalah dipengaruhi oleh pengalaman semasa kecil (Peterson, Sampson dan Reardon, 1991).

Menurut teori ini lagi, pemilihan kerjaya adalah bergantung kepada keperluan individu, kebolehannya dan sosioekonomi. Teori ini menjelaskan bahawa dalam pemilihan kerjaya, hubungan antara ibu bapa dan anak memainkan peranan yang penting dalam menentukan minat, kebolehan dan sikap anak tersebut. Kesimpulannya di sini, pengetahuan tentang diri sendiri (seperti minat, kebolehan dan sikap) adalah dipengaruhi oleh individu lain (seperti ibu bapa) semasa kecil seterusnya mempengaruhi pemilihan kerjaya apabila individu tersebut telah dewasa.

BIBLIOGRAFI

Ab Aziz Yusof (1998). "Asas-asas Keusahawanan." Selangor: Prentice Hall (M) Sdn. Bhd.

Adnan Alias (1992). "Asas Keusahawanan." Kuala Lumpur: Ampang Pres.

Ahmad Kamil Mohamed (2001). "Kemelut dan Realiti Usahawan Melayu." Utusan Malaysia. 19 Mac 2001.

Aini Hayati Mohamed, Hasni Che Ismail dan Norsiah Mat (2001). "Pengajian Perniagaan." Petaling Jaya: Laser Press Sdn. Bhd.

Alis bin Puteh (. "Masyarakat Melayu : Kegawatan dan Cabaran Menjelang Alaf Baru." Diperoleh pada 01/02/2002. dari <http://phuak1.tripod.com/pssm/conference/alis.htm>.

Barjoyai Bardai (2000). "Keusahawanan dan Perniagaan Bahagian Satu." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Best, J.W. dan Kahn, J.V. (1998). "Research in Education." Massachusets: Allyn & Bacon.

Borg, W.R. and Gall, M.D. (1983). "Educational Research and Introduction." New York: Longman.

Datuk Mohd Salleh Abdul Majid (2000). "Kuasa Minda Tentukan Kelangsungan Usahawan." Berita Harian. 22 Ogos 2000.

Dr. Rohaizat Baharun. (2001). "Kepuasan Pengguna Tanggungjawab Usahawan." Dewan Ekonomi. Ogos 2001. m.s. 11-12.

Honey, P. and Mumford, A. (1986). "The Manual of Learning Styles." United Kingdom: Maidenhead.

Ismail Noor dan Muhammad Azaham (2000). "Takkan Melayu Hilang Di Dunia." Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Kamus Dewan (2000). Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khaairuddin Khalil (1996). "Keusahawanan Sebagai Kerjaya." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (2002). "Panduan Menulis Tesis." Pejabat Pengurusan Akademik.

Leedy, P.D (1993). "Practical Research : Planning and Design." New Jersey: Macmillan Publishing Company.

Lendell, K. (1997). "Management By Menu." London: Wiley and SMS Inc.

Mat Hassan Esa (1992). "Pelan Induk Budaya Keusahawanan." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Miller, L.E (1991). "Agr. Edu 885 Research Methods." Ohio State University.

Moha Asri Hj. Abdullah (1999). "Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mohammed Amin Penrunghi (2001). "Memupuk Belia Bumiputera Sebagai Belia Niaga Yang Cemerlang." Dewan Ekonomi. Julai 2001. m.s. 17-18.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer : SPSS 10.0 for Windows." Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Munauwar Mustafa (1999). "Kaedah Penyelidikan." Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Murugadas a/l Ramdas @ Chelamuthu (2001). Penghasilan dan Penilaian Modul Pembelajaran Kadar Kendiri (MPKK) Bagi Meningkatkan Penggunaan Statistik Dalam Penyelidikan Di Kalangan Pensyarah JPTV KUiTTTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis MA.
- Nasibah Abdul Wahid dan Ishak Ismail (2000). "Perlakuan Pengguna." Petaling Jaya, Selangor: Pearson Education Malaysia Sdn.Bhd.
- Nordin Abdul Malek (2001). "Usahawan Sebagai Kerjaya." Usahawan Sukses. Januari-Februari 2001. m.s. 50-51.
- Nordin Abdul Malek (2001). "Faktor Kejayaan - Modal Atau Keusahawanan?" Usahawan Sukses. Mac-April 2001. m.s. 56-57.
- Peterson, G. W., Sampson, J.P. dan Reardon, R.C. (1991). "Career Development and Services : Cognitive Approach." California: Brooks/Cole Publishing Company.
- Pra-SUS Latih Pelajar Ceburi Perniagaan (1 November 2000). "Berita Harian."
- Raja Nazima Raja Ahmad (2000). "Persepsi Pelajar Terhadap Pengendalian Kursus Perakaunan : 1 Tinjauan di Politeknik Ungku Omar." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis MA.
- Salaudin Ahmad (2001). "MEDEC Lahirkan Usahawan Berilmu." Usahawan Sukses. September-Oktober 2001. m.s. 34-35.
- Salkind, Neil J. (1994). "Exploring Research." Eaglewood Cliffs, New Jersey: Macmillan Publishing Company.



- Saunah Zainon (2001). "Usahawan Kompeten Antara Cabaran Dan Harapan." *Usahawan Sukses*. September-Oktober 2001. m.s. 63-64.
- Sitti Nor Azizah Talata dan Shamsul Kamal Amarudin (2001). "Program Pembangunan Usahawan Diselaras." Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001.
- Suria Md. Yusof (2001). "Keusahawanan Sebagai Kerjaya : Satu Tinjauan Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Kejuruteraan Awam KUiTTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis MA.
- Tengku Khairi A. Rahman (2001). "Membina Tunjang Kecemerlangan Usahaniaga." *Dewan Ekonomi*. September 2001. m.s. 16-18.
- Wan Liz Oznan Wan Omar dan Sulzari Mohamed (2002). "Memperkasakan Usahawan : Panduan Lengkap Pengurusan Perniagaan dan Penjanaan Usahawan." Edisi Pertama. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wan Madznah Wan Ibrahim, Jumaat Abd. Moen dan Hawati Janor (2001). "Pengajian Perniagaan." Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Widad Othman dan Faridah Mariani Johari (1998). "Pendidikan untuk Kecemerlangan Menjelang Alaf Baru." Seminar Pendidikan Kebangsaan. KUiTTHO.
- Wiersma, William (1995). "Research Method in Education : An Introduction." Massachusetts: Allyn & Bacon.
- Yep Putih (1985). "Keusahawanan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie (1993). "Kemahiran Keusahawanan Dalam pendidikan Vokasional : Satu Jaminan Kerjaya." *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*. 37. (78). 30-39.